



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 8 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

KPDN tumpas sindiket diesel haram rentas negeri

Oleh HADI AB. MANAP

hadimanap@mediamulia.com.my

MELAKA: Beroperasi sudah lebih setahun di premis yang dipasang kamera litar tertutup (CCTV) khusus untuk memantau kehadiran pihak berkuasa, satu sindiket diesel haram di Kawasan Perindustrian Krubong di sini akhirnya ditumpaskan selepas diserbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), petang semalam.

Dalam operasi pada pukul 7 malam itu, pasukan serbuan menahan sebuah lori tangki sarat dengan muatan diesel berjumlah 27,000 liter yang sedang dalam proses membawa keluar bahan api bersubsidi itu dari negeri ini.

Pengarah KPDN Melaka, Norena Jaafar berkata, diesel bersubsidi itu dibeli dari stesen minyak di sekitar negeri ini sebelum dikumpulkan di stor penyimpanan yang mempunyai dua tangki berkapasiti keseluru-



NORENA JAAFAR menunjukkan dua tangki diesel berkapasiti keseluruhan 35,000 liter yang disita KPDN di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Krubong, Melaka. - UTUSAN/SYAFFEEQ AHMAD

han 35,000 liter.

"Bila kita masuk lori tangki baru hendak bergerak, kita berjaya menahan tiga suspek terdiri daripada dua warga asing dan

seorang warga tempatan yang bertindak sebagai pemandu lori.

"Diesel bersubsidi yang berjaya dirampas hari ini (semalam) bernilai RM75,000 manakala

nilai keseluruhan rampasan termasuk lori dan peralatan lain yang disita adalah RM256,000.

"Ini merupakan kejayaan dalam mematahkan salah satu cara untuk mencuri diesel di Melaka. Kami syaki sindiket ini menjual atau mengedarkan diesel ini di luar Melaka," katanya dalam sidang akhbar di lokasi serbuan.

Tambah Norena, KPDN percaya stor penyimpanan diesel berkenaan telah beroperasi dalam jangka masa panjang berdasarkan peralatan yang terdapat di situ sudah usang, selain diawasi oleh empat CCTV.

Ujarnya, kesemua suspek yang ditahan berusia dalam lingkungan 30-an dan kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Tempat ini memang agak lama beroperasi ia diawasi oleh CCTV. Di mana ada empat CCTV yang mana tiga menghadap ke luar. Tempat ini memang diawasi ketat oleh sindiket," jelasnya.

Isi diesel subsidi jual kepada industri

JOHOR BAHRU – Taktik licik sindiket penyeludupan diesel bersubsidi di stesen minyak sebelum dijual kepada industri di sekitar negeri ini tumpas apabila berjaya dipatahkan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua malam kelmarin.

Sindiket bertindak licik apabila menggunakan lori tiga tan yang ditutup kanvas bagi mengaburi mata pekerja stesen minyak, sebelum diesel berkenaan disedut ke lima tangki yang disembunyikan di belakang lori bertutup berkenaan.

Ketua Polis Johor, Komisioner M. Kumar berkata, hasil makluman awam dan intipan Unit Risikan Marin (URM) berjaya mendedahkan taktik sindiket berkenaan.

Katanya, pemandu lori berusia 57 tahun yang dipersempai ahli sindiket berkenaan berjaya ditahan dalam serbuan pada pukul 12.05 tengah malam, selepas gagal mengejmukakan dokumen sah daripada Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), tengah malam semalam.

"Unit URM PPM Wilayah Dua menerima maklumat berkaitan sebuah lori tiga tan mencurigakan di sebuah stesen minyak di kawasan perusahaan Tampoi, di sini kira-kira pukul 12.05 tengah malam, sebelum intipan dilakukan.

"Hasil pemeriksaan ke atas lori tiga tan yang bertutup kanvas itu mendapati ada lima tangki besar berisi diesel bersubsidi, disembunyikan di bahagian belakang lori itu.

"Pemeriksaan lanjut mendapati lori itu telah mengubah suai tangki utama mengisi diesel yang boleh diubah serta dilaraskan bagi mengisi lima tangki lain bagi mengaburi petugas stesen minyak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Markas Pasukan Polis Marin Wilayah Dua, di sini semalam.

Ujarnya, hasil pemeriksaan mendapati setiap satu daripada lima tangki itu boleh mengisi sehingga 1,000 liter diesel.

Katanya, ketika pemeriksaan dilakukan, sebanyak 3,000 liter diesel bersubsidi sudah diisi di dalam tangki yang disembunyikan itu.

"Pemandu lori itu ditahan reman bagi bantu siasatan," jelasnya.

Tiga direman seleleweng diesel rentas negeri

MELAKA – Dua penjaga stor warga asing dan seorang pemandu lori tempatan direman tiga hari bermula semalam bagi membantu siasatan selepas disyaki terlibat dalam sindiket penyeludupan diesel rentas negeri yang dipercayai aktif sejak lebih setahun lalu.

Perintah reman sehingga 9 Mei ini dikeluarkan Majistret Khairunnisak Hassni terhadap tiga suspek lelaki berusia antara 28 dan 34 tahun itu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

Kesemua suspek tiba di Kompleks Mahkamah Ayer Keroh di sini kira-kira pukul 12.10 tengah hari dengan diiringi pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos-



TIGA ahli sindiket diesel rentas negeri direman tiga hari di Kompleks Mahkamah Ayer Keroh, Melaka semalam.

Sara Hidup (KPDN).

Kesemua suspek ditahan dalam satu serbuan di Kawasan

Perindustrian Krubong, di sini pada pukul 7 petang kelmarin.

Pasukan serbuan berjaya me-

nahan sebuah lori tangki sarat dengan muatan diesel berjumlah 27,000 liter yang sedang diperincayai ingin membuat penghantaran bahan api bersubsidi itu ke sebuah negeri di Pantai Timur.

Sementara itu, Pengarah KPDN Melaka, Norena Jaafar berkata, diesel bersubsidi itu dibeli dari stesen minyak di sekitar negeri ini sebelum dikumpulkan di stor penyimpanan yang mempunyai tiga tangki berkapasiti keseluruhan 35,000 liter.

Katanya, diesel bersubsidi yang berjaya dirampas bernilai RM75,000, manakala nilai keseluruhan rampasan termasuk lori dan peralatan lain yang disita adalah RM256,000.

Jelasnya, pihaknya sentiasa awasi gerak-geri pihak yang menyelweng subsidi kerajaan.



NORENA (kiri) diberi penerangan oleh pegawai penguatkuasanya mengenai lori tangki diesel milik sindiket yang berjaya dipintas.

SINDIKET SELUDUP DIESEL SUBSIDI RENTAS NEGERI TUMPAS

Kepung lori tangki keluar dari stor

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

* Melaka

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka mematahkan cubaan sindiket penyelewengannya minyak diesel bersubsidi untuk menyeludup keluar 27,000 liter bahan api itu dari sebuah stor haram di Kawasan Perindustrian Kruong, dekat sini, kelmarin.

Pengarahnya, Norena Jafar berkata, kegiatan sindiket terbabit terbongkar hasil pemeriksaan dan pemantauan intensif anggota risikan di beberapa tempat disyaki 'kawasan panas' pencuri diesel melakukan aktiviti mereka.

Menurutnya, menerusi serbuan jam itu, pihaknya turut memberkas tiga lelaki yang juga pemandu lori tangki warga tempatan dan dua pekerja stor warga Bangladesh berusia 30 hingga 35 tahun.

"Ketika serbuan, kami dapat kerja-kerja peminahan diesel dari tiga skid tank ke lori tangki sudah selesai."

"Ketiga-tiga suspek sangat terkejut dan tak sangka kehadiran anggota risikan kami yang mengepung dan berjaya menghalang lori tangki itu keluar dari stor."

"Ini kerana gudang itu dilengkapi empat CCTV (kamera litar tertutup) dengan tiga menghadap ke

luar dan satu di dalam," katanya pada sidang media di lokasi serbuan, kelmarin.

Norena berkata, keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM256,000 termasuk diesel bernilai lebih RM75,000, lori tangki, peralatan hos dan salur minyak serta tiga tangki skid berisi 8,000 liter diesel yang disyaki cuba dibawa ke sebuah negeri di Pantai Timur.

"Dengan kejayaan ini, kami melumpuhkan kegiatan sindiket pengedaran diesel bersubsidi rentas negeri pertama di Melaka yang dipercaya beroperasi sejak lebih setahun lalu," katanya.

Sindiket ini sangat aktif dan tidak statik
Norena

Ditanya modus operandi sindiket, Norena berkata, risikan mendapati mereka menggunakan lori yang membawa tangki diubahsuai untuk membeli diesel bersubsidi di stesen minyak di negeri ini sebelum memindahkannya ke dalam tangki skid di stor berkenaan.

"Sindiket ini sangat aktif dan tidak statik, jika kami serbu di sini, mereka akan pindah ke tempat lain di kawasan industri juga kerana mudah untuk bergerak."

"Selagi ada permintaan, selagi itu ada penawaran, jadi kami akan tingkatkan operasi bersepada bersama agensi berkaitan," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

TANGKI RAHSIA BELAKANG LORI

Kantoi sedut 3,000 liter diesel

Johor Bahru: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua menemukan 3,000 liter diesel bersubsidi dalam lima tangki rahsia dibina khas di belakang sebuah lori milik sindiket penyelewengan bahan api itu pada serbuan di kawasan perusahaan Tampoi, di sini, jam 12.05 tengah malam, kelmarin.

Ketua Polis Johor Komisioner M Kumar berkata, terdahulu, pihaknya menerima makluman awam berkaitan kegiatan sindiket terbabit sebelum PPM Wilayah Dua melakukan risikan.

"Unit Risik Marin (URM) PPM Wilayah Dua menerima maklumat berkaitan sebuah lori tiga tan dalam keadaan mencurigakan di sebuah stesen minyak di kawasan perusahaan Tampoi.

"Pemeriksaan ke atas lori tiga tan itu menemukan lima tangki besar berisi diesel bersubsidi dibelakang kenderaan.

"Taktik digunakan ialah pemandu lori berlakon mengisi diesel lori berkenaan sebelum mengubah laras di tangki utama. Ia membolehkan diesel subsidi disedut masuk ke lima tangki terbabit," katanya.

pada sidang media di Markas PPM Wilayah Dua, Tampoi, di sini, semalam.

Hadir sama Komander PPM Wilayah Dua Asisten Komisioner Muhd Zailani Abdullah.

Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, menurut beliau, sindiket menggunakan lori bertutup kanvas.

Kata beliau, pemandu lori berusia 57 tahun yang dipercayai ahli sindiket ditahan selepas gagal mengemukakan dokumen sah daripada Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN).

"Setiap tangki boleh diisi dengan 1,000 liter diesel. Ketika pemeriksaan, 3,000 liter diesel bersubsidi sudah diisi dalam tangki itu.

"Pemandu lori diserahkan kepada KPDN untuk proses reman. Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Seksyen 12 (5) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

Kumar berkata, hasil siasatan awal, sindiket menjual semula diesel bersubsidi itu kepada pemilik industri di sekitar bandar raya ini untuk mengaut untung atas angin.



M KUMAR (kanan) menunjukkan lori yang diubah suai untuk menyeludup diesel bersubsidi di Markas Pasukan Polis Marin Wilayah 2, Tampoi.

Sindiket seludup diesel rentas negeri

KPDN Melaka serbu stor penyimpanan, rampas 35,000 liter diesel bernilai lebih RM75,000

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA



Aktiviti sindiket penyeludupan diesel bersubsidi yang menjalankan operasi pemindahan haram di sebuah stor, lumpuh apabila digempur pihak berkuasa dalam satu serbuan pada Isnin.

Stor terletak di Kawasan Perindustrian Krubong itu dikesan dijadikan lokasi transit bagi pengedaran diesel bersubsidi rentas negeri sejak setahun lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Melaka, Norena Jaafar berkata, serbuan

dilakukan selepas menerima maklumat awan dan risikan pihaknya.

"Hasil serbuan, pemeriksaan KPDN mendapati premi ini diawasi kamera litar tertutup (CCTV) di sekeliling bangunan selain menemui sebuah lori tangki bersama muatan 27,000 liter diesel.

"Terdapat tiga individu berada dalam premis termasuk dua warga asing ber-

tindak sebagai penjaga stor dan seorang lelaki tempatan berusia 34 tahun yang merupakan pemandu lori tangki," katanya.

Menurut Norena, pihaknya turut menyita tiga tangki skid mengandungi 8,000 liter diesel menjadikan keseluruhan rampasan berjumlah RM256,000 termasuk 35,000 liter diesel bernilai lebih RM75,000.

"Hasil soal siasat mendapati lori tangki ini akan memulakan perjalanan menyeludup keluar bahan bakar ke sebuah negeri di pantai timur.

"Modus operandi sindiket adalah dengan menggunakan lori tertutup untuk membeli diesel bersubsidi di stesen minyak sekitar negeri ini sebelum me-



Norena (kiri) melihat lori tangki yang disita kerana terbabit dalam aktiviti penyeludupan diesel di Kawasan Perindustrian Krubong.

mindahkannya ke dalam tangki skid," katanya.

Ujarnya, bahan bakar itu kemudian dipindahkan ke dalam lori tangki untuk dijual secara haram pada harga lebih tinggi.

"KPDN Melaka akan terus meng-

gandakan usaha untuk memastikan negeri ini bebas dan sifar ketirisan diesel bersubsidi, selaras dengan hasrat Menteri KPDN, Datuk Arminza Mohd Ali.

"Pemantauan dan risikan akan dilakukan pengawal penguat kuasa dari semasa ke semasa," katanya.

Ubah suai lori untuk seludup diesel bersubsidi

JOHOR BAHRU- Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua berjaya menumpaskan sindiket penyelewengan diesel bersubsidi selepas menahan sebuah lori mencurangkan di kawasan perusahaan Tampoi pada tengah malam Isnin.

Ketua Polis Johor, Komisioner M Kumar berkata, serbuan jam 12.05 tengah malam dilakukan hasil maklumat awam dan intipan Unit Risik Marin PPM.

Menurutnya, diesel bersubsidi diseleweng itu akan dijual ke pasaran gelap di sekitar negeri ini.

"Lori tiga tan ini ditutupi kanvas bagi mengaburi mata pekerja stesen minyak sebelum bahan api dipam ke dalam lima tangki tersembunyi di bahagian kargo.

"Pemandu lori berpura-pura mengisi diesel ke dalam tangki lori di stesen minyak, namun mengubah laras ke lima tangki disembunyikan



Kumar (kiri) menunjukkan lori menempatkan tangki untuk menyeludup diesel bersubsidi.

di belakang lori," katanya ketika sidang akhbar di Markas PPM Wilayah Dua di sini pada Selasa.

Hadir sama Komander PPM Wilayah Dua, Asisten Komisioner Muhd Zailani Abdullah.

Mengulas lanjut, Kumar berkata, hasil pemeriksaan setiap satu daripada lima tangki boleh memuatkan

sehingga 1,000 liter diesel.

Katanya, ketika pemeriksaan dilakukan, sebanyak 3,000 liter diesel bersubsidi berada dalam tangki.

"Pemandu lori kini ditahan dan kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Seksyen 12 (5) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

Sorok 5,000 liter diesel bersubsidi di tapak pembinaan

TEMERLOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Temerloh merampas 5,000 liter diesel dalam satu serbuan di tapak pembinaan di Pamah Kasih di sini pada Isnin.

Ketua KPDN Cawangan Temerloh, Abdul Razak Yahaya berkata, serbuan dilakukan menerusi Ops Tiris bertujuan membanteras penyelewengan diesel bersubsidi.

Menurutnya, KPDN turut me-

nemu tangki menyimpan kira-kira 5,000 liter diesel tanpa kebenaran Pengawal Bekalan Malaysia atau permit menyimpan barang kawalan sah.

"Maklumat awal diperolehi mendapati diesel disimpan adalah untuk kegunaan jentera di tapak pembinaan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Ujarnya, KPDN turut menahan seorang lelaki warga tempatan berusia 59 tahun disyaki penyelia tapak

projek untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Jelasnya, siasatan juga akan menjurus sama ada pihak berkenaan menggunakan bahan api itu atau sebaliknya.

"Nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM30,300," tambahnya.

Sementara itu, KPDN memberi amaran kepada mana-mana individu supaya tidak melakukan aktiviti menyalahi undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 MEI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-May	Lebih RM23,000 coklat berlabel 'No Palm Oil' disita di Labuan	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/05/07/lebih-rm23000-coklat-berlabel-no-palm-oil-disita-di-labuan/	FREE MALAYSIA TODAY
8-May	KPDN sita coklat berlabel 'No Palm Oil' di Labuan	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1087888/kpdn-sita-coklat-berlabel-no-palm-oil-di-labuan	HARIAN METRO
8-May	KPDN sita coklat 'No Palm Oil' bernilai RM23,704 di Labuan	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-sita-coklat-no-palm-oil-bernilai-rm23704-di-labuan/	BULETIN TV3
8-May	Komplot jahat stesen minyak dan sindiket	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1087767/komplot-jahat-stesen-minyak-dan-sindiket	HARIAN METRO
8-May	KPDN Kedah serbu stor haram, rampas 3,500 liter diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/663389/berita/semasa/kpdn-kedah-serbu-stor-haram-rampas-3500-liter-diesel	SINAR HARIAN
8-May	Dua warga Bangladesh, lelaki tempatan direman seludup diesel bersubsidi	https://malaysiagazette.com/2024/05/07/dua-warga-bangladesh-lelaki-tempatan-direman-seludup-diesel-bersubsidi/	MALAYSIA GAZETTE
8-May	KPDN Selangor tahan dua warga asing disyaki terlibat sindiket seleweng diesel	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-selangor-tahan-dua-warga-asing-disyaki-terlibat-sindiket-seleweng-diesel-469586	ASTRO AWANI
8-May	UKM LANCAR INOVASI MUIB BANTU PESAKIT ACL PULIH CEPAT	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2295298	BERNAMA
8-May	Inovasi UKM hasilkan geraf tahan lasak bagi penggantian ligamen ACL	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1244240/inovasi-ukm-hasilkan-geraf-tahan-lasak-bagi-penggantian-ligamen-acl	BERITA HARIAN
8-May	Finas, MyIPO kerjasama tingkat usaha pendaftaran harta intelek penggiat seni	https://www.dailyexpress.com.my/news/233760/finas-myipo-kerjasama-tingkat-usaha-pendaftaran-harta-intelek-penggiat-seni/	DAILY EXPRESS
8-May	FINAS, MyIPO kerjasama tingkat usaha pendaftaran harta intelek penggiat seni	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/07/finas-myipo-kerjasama-tingkat-usaha-pendaftaran-harta-intelek-penggiat-seni/	UTUSAN BORNEO